

Dr. M akan turut hadir Sidang Kemuncak CEO

UM 15 OCT 2003

Daripada ZAINI HASSAN
dan MOHD. NOR SAMAD

BANGKOK 14 Okt. — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang akan menghadiri Sidang Kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) dari 19-21 Oktober ini akan turut menghadiri Sidang Kemuncak Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) selama tiga hari bermula Ahad ini dan akan bercakap mengenai topik kegemarannya bertajuk *Globalisasi dan Cabarannya*.

Para pemimpin yang mewakili kerajaan dan sektor swasta akan berbincang secara informal berhubung pelbagai isu dari masa depan APEC, bagaimana mahu merealisasikan agendanya sehinggalah penubuhan Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC).

Turut dibincangkan ialah isu-isu globalisasi dan sejauh mana kesannya kepada APEC yang ditubuhkan di Canberra, Australia pada November 1989.

Mesyuarat pemimpin APEC-CEO di Hotel Shangri-la itu adalah acara tahunan setiap kali berlangsungnya Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Ekonomi APEC (AELM).

Semalam, sidang kemuncak APEC bermula dengan mesyuarat dua hari pegawai-pegawai kanan (SOM) di Pusat Konvensyen Nasional Queen Sirikit di sini.



Para pegawai daripada 21 buah ekonomi itu akan merangka draf bagi dihalusi dan diperbincangkan di peringkat menteri dan kemudian ketua-ketua ekonomi.

Sejak APEC ditubuhkan, kelab itu menarik 21 buah negara untuk menganggotainya. Thailand, Malaysia adalah antara 12 buah negara pengasas.

Matlamat tuan rumah Thailand pada persidangan kali ini ialah untuk menterjemahkan Deklarasi Bogor ke arah melahirkan perdagangan dan pelaburan yang terbuka, telus dan tanpa tarif.

Negara maju diberi tempoh sehingga 2020 manakala negara membangun pula 2010 untuk menjayakan wawasan APEC itu.

Bagaimanapun, tiada paksaan dikenakan kepada 21 negara anggota dalam melaksanakan inisiatif Bogor itu, hasil sidang kemuncak APEC ke-2 di Bogor, Indonesia pada 1994.

Menurut seorang jurucakap sekretariat, selepas pembukaan persidangan

itu, tajuk perbincangan dimulakan dengan — Kepimpinan Untuk Mencapai Pertumbuhan Berterusan — Apa Yang Diperlukan Untuk Menjayakan Agenda APEC.

Ia kemudian diikuti topik 'Keadaan Dunia: Apakah Implikasi Mesyuarat Peringkat Menteri Pertumbuhan Perdagangan Sedunia (WTO) di Cancun, Mexico'.

Ucuptama dijadual disampaikan oleh Ketua Pengerah WTO, Dr. Supachai Panitchpakdi.

Rusia yang merupakan antara tiga negara terakhir menganggotai APEC ketika sidang kemuncaknya di Kuala Lumpur, 1998 turut disentuh dalam persidangan tiga hari itu.

Tajuknya berkisar kepada 'Cabaran Untuk Mengekalkan Pembangunan Mampan di Rusia'.

Ucuptamanya disampaikan oleh Presiden Rusia, Vladimir Putin yang dijadual menyertai sidang kemuncak.

Dr. Mahathir akan disertai sama oleh Presiden Chile, Richardo Lagos dan Perdana Menteri New Zealand, Helen Clark.

Dr. Mahathir dijadual tiba di Bangkok Ahad ini.

Sidang Kemuncak Ketua-Ketua Ekonomi APEC ialah pada 20 dan 21 Oktober. — *Utusan*